

**Pembangkang tuduh SPR tidak telus  
Utusan Online  
19April, 2012**

KUALA LUMPUR 18 April - Pakatan pembangkang hari ini berterusan menuduh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai tidak telus dalam pembersihan daftar pengundi walaupun badan tersebut sudah memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Parlimen mengenai perkara tersebut Isnin lalu.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, SPR masih gagal melaksanakan pembersihan itu terutama di Selangor.

Justeru, kata beliau, pihaknya telah mencadangkan agar Selangor tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) serentak dengan pembubaran Dewan Rakyat sehingga SPR dapat mengemukakan daftar pengundi yang benar-benar bersih.

"Saya tidak tahu sama ada SPR ini buta atau tidak boleh menerima hakikat mengenai daftar pengundi sedangkan kita sudah menyerahkan jumlah pengundi yang terlibat tetapi mereka tetap dengan alasan tidak boleh membatalkannya," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Anwar juga mahu SPR berbincang dan meneliti perkara tersebut dengan semua parti politik sama ada dari pakatan pembangkang atau Barisan Nasional (BN) agar tidak berlaku penipuan.

Berhubung pembubaran DUN di negeri-negeri lain di bawah pakatan pembangkang, beliau berkata, perkara tersebut masih dibincangkan.

Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof pada Isnin lalu memberi jaminan Malaysia adalah negara yang mempunyai daftar pemilih yang bersih.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0419&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa\\_07.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0419&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_07.htm)